

UMS sedia kaji punca banjir lumpur

19/3/97.

Berita Nantam

KOTA KINABALU, Sela-
sa - Sekolah Sains dan
Teknologi, Universiti Ma-
laysia Sabah (UMS) me-
nyokong cadangan su-
paya satu kajian lapa-
ngan dibuat bagi meng-
kaji punca sebenar keja-
dian banjir lumpur aki-
bat ribut Greg yang me-
ngorbankan lebih 200
orang di Keningau, 26 Di-
seMBER lalu.

Dekan sekolah itu, Prof
Dr Mohd Noh Dalimin,
berkata tenaga pakar di
UMS sedia memberi ban-
tuan dan kerjasama ke-
pada kerajaan negeri
bagi menjalankan kajian
berkenaan.

"Kajian berkenaan me-
ngambil masa yang agak
panjang, tetapi ia amat
perlu untuk kerajaan ne-
geri merancang pemban-
gungan pada masa de-
pan.

"Walaupun kajian ber-

kenaan tidak dapat men-
jawab semua persoalan
yang timbul, ia mampu
memberi garis panduan
kepada perancangan pa-
da masa depan selain
menghapuskan tangga-
pan karut mangsa dan
masyarakat di Keningau
mengenai punca keja-
dian," katanya ketika di-
hubung di sini semalam.

Dr Mohd Noh diminta
mengulas cadangan
mangsa banjir lumpur di
Keningau yang mahukan
kerajaan negeri menu-
buhkan jawatankuasa
mengkaji punca sebenar
berkenaan.

"Kajian itu perlu dila-
kukan kerana kejadian
banjir lumpur yang ber-
laku di Sungai Pampang,
Keningau tidak sama de-
ngan kejadian yang sa-
ma berlaku di per-
kampungan Orang Asli
di Pos Dipang, Kampar,

Perak yang juga berla-
ku tahun lalu.

"Kejadian di Keningau
disebabkan hujan lebat
akibat ribut Greg dan ke-
mungkinan berlakunya
semula banjir berkenaan
tidak boleh ditolak sama
sekali," katanya.

Menurutnya, UMS
mempunyai kepakaran ter-
masuk dalam bidang sains
dan geologi bagi menjalan-
kan kajian berkenaan dan
bersedia melaksanakan tu-
gas berkenaan sekiranya
diperlukan.

Dalam kejadian 26 Di-
seMBER tahun lalu, lebih
200 terkorban apabila
ribut tropika Greg melan-
da kawasan pantai barat
Sabah. Kawasan Keni-
ngau adalah paling teruk
terjejas apabila banjir
lumpur menyusul de-
ngan menghanyutkan ra-
tuan rumah di pinggir
tiga sungai utama.

Dalam laporan akhbar
ini semalam, seorang
mangsa banjir di Kam-
pung Pampang, Emran
Mohd Yassin, berkata pi-
hak berkuasa perlu me-
ngambil langkah segera
untuk mengenal pasti
punca sebenar kejadian
itu.

Beliau mahu pihak ber-
kuasa memberi penjela-
san segera kepada pen-
duduk terutama di Keni-
ngau yang paling teruk
dilanda banjir itu.

"Penduduk kini mem-
buat pelbagai andaian
mengenai punca keja-
dian itu. Ada yang me-
ngatakan banjir lumpur
itu berpunca daripada
empangan semulajadi
di hulu Sungai Pam-
pang pecah, pihak ber-
kuasa perlu bertindak
segera dengan mengu-
mumkan hasil siasa-
tan," katanya.